

# KPKKS 2015 MENJANA MINAT KEUSAHAWANAN GENERASI MUDA



KONVENSYEN PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN KOPERASI SEKOLAH (KPKKS) 2015 YANG DIADAKAN PADA 9 HINGGA 11 OKTOBER 2015 LALU DISEMPURNAKAN OLEH DATUK LAMIEN SAWIYO BERTEMPAT DI HOTEL BAYVIEW, MELAKA. SEBANYAK 14 BUAH KOPERASI SEKOLAH MENYERTAI PROGRAM INI MEWAKILI 14 BUAH NEGERI DI MALAYSIA.

Nasib menyebelahi Koperasi SMK Simpang Beluru Enggor Perak Berhad kerana telah berjaya memenangi Anugerah Projek Koperasi Terbaik 2015. Mereka menerima wang tunai berjumlah RM20,000 berserta plak dan sijil penghargaan.

Tempat kedua dirangkul Koperasi SMK Gombak Setia Berhad dengan hadiah wang tunai berjumlah RM15,000 dan tempat ketiga pula dimenangi Koperasi SMK Kubang Bemban Pasir Mas Berhad dengan wang tunai RM10,000.

Manakala Pengurus Terbaik pula jatuh kepada Muhammad Zahiruddin Fakhruzy Syakirin bin Zuhri dari Koperasi SMK Gombak Setia Berhad dan Guru Pembimbing Terbaik pula dimenangi oleh Puan Najwa Mohd Azmir dari Koperasi SMK Simpang Beluru Enggor Perak Berhad.

Selain pertandingan projek keusahawanan, turut dipertandingkan adalah Pidato Keusahawanan Koperasi Sekolah. Setiap koperasi yang bertanding adalah diwajibkan untuk membuka gerai pameran (booth) sebagai kriteria yang turut dinilai untuk

pemarkahan keseluruhan.

Objektif utama KPKKS adalah untuk memantapkan dan memperkukuhkan peranan koperasi sekolah sebagai institusi pembudayaan keusahawanan Koperasi. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk memupuk dan membentuk budaya keusahawanan di kalangan pelajar bagi melahirkan lebih ramai bakal usahawan di samping memberi kesedaran bagi mewujudkan persekitaran permuafakatan secara berkoperasi dalam bidang keusahawanan.

## BANGUNKAN POTENSI PELAJAR

KPKKS juga bertujuan untuk menggalakkan pemikiran kreatif dan inovatif pelajar ke arah menjana minat keusahawanan, seterusnya mewujudkan semangat kepimpinan dan kerja berpasukan serta membangunkan potensi pelajar dalam bidang keusahawanan.

Penyertaan KPKKS terbuka kepada semua Koperasi Sekolah yang berminat dan berdaftar

dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Konvensyen Pembudayaan Keusahawanan Koperasi Sekolah adalah pertandingan projek keusahawanan yang diusahakan oleh sekumpulan kecil operator pelajar dengan pemantauan dan khidmat nasihat guru penasihat.

Kumpulan seramai empat orang ahli ini akan mengurus dan menjayakan satu projek keusahawanan yang berdaya maju dan menguntungkan. Setiap kumpulan wajar mempunyai nama kumpulan, identiti dan imej korporat tersendiri. Untuk menyertai pertandingan, kumpulan hendaklah mengusahakan projek lebih dari empat bulan sebelum dipertandingkan.

Sebelum kumpulan yang menyertai pertandingan Konvensyen Pembudayaan Keusahawanan Koperasi Sekolah mereka wajib menyediakan satu kertas Rancangan Perniagaan Projek Keusahawanan (RPPK) yang mana akan dinilai dan dibuat saringan terlebih dahulu oleh pihak Pengurusan Koperasi Sekolah. Jumlah maksima projek yang realistik bagi dilaksanakan di setiap sekolah adalah sebanyak empat projek.

Kumpulan yang melaksanakan projek akan melaporkan dan membentangkan projek masing-masing di peringkat Sekolah, sebelum terpilih untuk mewakili sekolah dan bersaing di Konvensyen Pembudayaan Keusahawanan Koperasi Sekolah Peringkat Negeri. Pemenang projek terbaik Peringkat Negeri akan mewakili negeri berkenaan ke Konvensyen Pembudayaan Keusahawanan Koperasi Sekolah Peringkat Kebangsaan.

KPKKS dilihat sebagai pemangkin kepada penglibatan aktif para pelajar dalam gerakan koperasi, terutama koperasi sekolah. Kerajaan sedar betapa negara sangat bergantung kepada generasi masa kini dalam mencorakkan masa depan negara.

Justeru itu, peranan yang boleh dimainkan oleh koperasi sekolah kini bukan sahaja untuk menerapkan prinsip-prinsip dan jati diri koperasi tetapi ia perlu di selaraskan agar para pelajar mampu menjadi insan yang seimbang dan sempurna.

Menurut statistik tidak rasmi Suruhanjaya Koperasi Malaysia, sehingga 30 Jun 2015, terdapat 2,336 buah koperasi sekolah telah didaftarkan, dengan keanggotaan seramai 2,107,183 orang dan syer berjumlah RM23.80 juta. Aset koperasi sekolah yang terkumpul adalah sebanyak RM278.20 juta, manakala perolehan (turnover) yang terkumpul sehingga 30 Jun 2015 adalah berjumlah RM229.05 juta.

## ANUGERAH KONVENSYEN PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN KOPERASI SEKOLAH (KPKKS) PERINGKAT KEBANGSAAN 2015

### PEMENANG KONVENSYEN

- **Tempat Pertama**  
Koperasi SMK Simpang Beluru Enggor Perak Berhad
- **Tempat Kedua**  
Koperasi SMK Gombak Setia Berhad
- **Tempat Ketiga**  
Koperasi SMK Kubang Bemban Pasir Mas Berhad

### PENGURUS TERBAIK

- **Tempat Pertama**  
Muhammad Zahiruddin Fakhruzy Syakirin bin Zuhri  
Koperasi SMK Gombak Setia Berhad
- **Tempat Kedua**  
Muhammad Amirul bin Aziz  
Koperasi SMK Simpang Beluru Enggor Perak Berhad
- **Tempat Ketiga**  
Arni Sofea binti Abdullah  
Koperasi SMK Kubang Bemban Pasir Mas Berhad

### GURU PEMBIMBING TERBAIK

- **Tempat Pertama**  
Puan Najwa binti Haji Mohd Azmir  
Koperasi SMK Simpang Beluru Enggor Perak Berhad
- **Tempat Kedua**  
Puan Anis Farhana Vong binti Abdullah  
Koperasi SMK Kubang Bemban Pasir Mas Berhad
- **Tempat Ketiga**  
Cik Nur Shafezah binti Mohammad Fauzi  
Koperasi SMK Gombak Setia Berhad

### PERSEMBAHAN TERBAIK

Koperasi SMK Gombak Setia Berhad

### ANUGERAH KHAS JURI

Projek MyEzze  
Koperasi Maktab Rendah Sains Mara Kuantan Berhad

### PEMENANG PIDATO

- **Tempat Pertama**  
Mohd. Khairil Izwan Bin Hj. Tugiman  
Koperasi Sekolah Menengah Taman Tun Fuad Berhad
- **Tempat Kedua**  
Priscilla Nyawan Jampong,  
Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan Meradong Berhad
- **Tempat Ketiga**  
Muhammad Irwan Shah bin Ahmad Iskandar,  
Koperasi Maktab Rendah Sains Mara Kuantan Berhad